

FUNGSI DAN BIDANG KUASA PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Tertakluk kepada Perlembagaan, statut-statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Universiti, fungsi dan bidang kuasa Penasihat Undang-Undang adalah seperti berikut;

- a) menjadi penasihat mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga dan mana-mana Pihak Berkuasa Universiti;
- b) menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- c) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;
- d) bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan perundangan Universiti termasuklah—
 - (i) menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;
 - (ii) menggubal, menyemak dan melulus draf dokumen perundangan, statut-statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dasar berkaitan perundangan;
 - (iii) menyedia, menyemak dan melulus draf surat cara perundangan;
 - (iv) menguruskan hal-hal berkaitan litigasi; dan
 - (v) menasihati mengenai apa-apa peruntukan Perlembagaan, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti;
- e) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti;
- f) menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga;
- g) memberi nasihat berkaitan urusan tatatertib pekerja dan pelajar;
- h) mengawal selia hal ehwal integriti pekerja;
- i) merekod dan menyimpan dokumen asal perundangan;
- j) pada bila-bila masa melakukan siasatan berdasarkan arahan Pihak Berkuasa Universiti;

- k) melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti; dan
- l) menjalankan kuasa dan kewajipan lain sepertimana yang diarahkan oleh Lembaga, Senat dan Naib Canselor dari semasa ke semasa.